



Manuscript Title: Pemakaian Emas Perhiasan dan Amalan Berzakat dalam Kalangan Wanita
Islam Negeri Pulau Pinang

Authors: Jasni Sulong, Mohd Marbawi Taha and Roshaimizam Suhaimi

Accepted Date: 3-February-2025

Please cite this article as: Jasni Sulong, Mohd Marbawi Taha and Roshaimizam Suhaimi. Pemakaian emas perhiasan dan amalan berzakat dalam kalangan wanita Islam negeri Pulau Pinang. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN DAN AMALAN BERZAKAT DALAM KALANGAN WANITA ISLAM NEGERI PULAU PINANG

Jasni Sulong^{1*}, Mohd Marbawi Taha² and Roshaimizam Suhaimi²

¹Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

²Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA

*Corresponding author: jasni@usm.my

ABSTRACT

The practice of wearing gold jewelry among women is a common phenomenon. However, its usage varies significantly across different communities, influenced by factors such as race, culture, religion, residency, age, and standard of living. This variation raises legal questions regarding the determination of the nisab zakat rate for gold jewelry, as it must be based on the current custom ('uruf) of the community. Furthermore, in Penang, there has been a lack of research on the practice of wearing gold jewelry among Muslim women for over three or four decades. The differences in legal provisions related to Islamic religious affairs between states in Malaysia also contribute to the varying 'uruf rates in each state. Additionally, there is an issue with zakat payers who do not pay zakat to the institution in their state of residence but instead pay it to the state of their birth or another location. This has led to a research study on the practice of wearing gold jewelry among Muslim women in Penang and their adherence to the state zakat institution. This study was conducted quantitatively using a questionnaire method. 540 Muslim women in Penang were given questionnaire to complete in order to get numerical data. The analysis of content uses inductive, deductive, and comparative methodologies.

While the range of frequencies is calculated to provide a descriptive explanation of the numerical data. The findings revealed that a high percentage of Muslim women in Penang wear gold jewelry, with most wearing jewelry weighing around 200-250 grams only. The study also found that the majority of Penang Muslim women pay zakat on their gold jewelry to the Penang Zakat institution. As a result, this study has led to a change in the fatwa issued by the State of Penang regarding the nisab rate for zakat on gold jewelry, which is now set at 250 grams.

Keywords: Gold, jewellery, zakat, Muslim women, Penang.

ABSTRAK

Amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita adalah merupakan perkara yang norma. Amalan pemakaiannya tidak sama antara satu-satu masyarakat yang berdasarkan kepada pengaruh kaum, budaya, agama, mastautin, usia dan taraf hidup. Perbezaan ini menimbulkan persoalan hukum berkaitan penetapan kadar nisab zakat emas perhiasan kerana ia mesti ditetapkan berdasarkan kebiasaan semasa (*'uruf*) masyarakat. Lebih-lebih lagi di Pulau Pinang, amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islamnya telah lama tidak dikaji iaitu sejak tiga empat dekad yang lalu. Perbezaan peruntukan undang-undang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di antara negeri-negeri di Malaysia juga menyebabkan penetapan kadar *'uruf* setiap negeri adalah berbeza. Di samping hal ini, terdapat juga isu pembayar zakat yang tidak membayar zakat kepada institusi di negeri kediaman tetapi membayarnya ke negeri kelahiran dan sebagainya. Semua ini menyebabkan satu penyelidikan perlu dilakukan berkenaan amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam Pulau Pinang dan kepatuhan mereka kepada institusi zakat negeri. Kajian ini dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan metod soal selidik. Seramai 540 wanita Islam di Pulau Pinang telah

menjawab soal selidik bagi mendapatkan data numerik. Analisis ke atas data-data ini adalah menggunakan analisis kandungan iaitu secara induktif, deduktif dan komparatif. Analisis juga dilakukan berdasarkan hitungan taburan frekuensi untuk menghasilkan tafsiran secara deskriptif tentang data numerik. Kajian mendapati peratusan yang tinggi direkodkan dalam amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam Pulau Pinang. Kebanyakannya memakai emas perhiasan dalam berat sekitar 200-250 gram sahaja. Penemuan kajian juga mendapati sebahagian besar wanita Islam Pulau Pinang membayar zakat emas perhiasan kepada Zakat Pulau Pinang. Hasil kajian ini telah menyebabkan perubahan fatwa di Negeri Pulau Pinang bagi kadar nisab untuk zakat emas perhiasan iaitu pada kadar 250 gram.

Kata kunci: Emas, perhiasan, zakat, wanita Islam, Pulau Pinang.

PENDAHULUAN

Perhiasan merupakan suatu kehendak yang norma terutama dalam kalangan wanita. Ia menjadi fitrah kerana kebanyakan wanita sangat menggemari perbuatan berhias diri dan memakai perkakasan yang menarik di badan. Antara perkakas yang menjadi minat wanita ialah menggunakan emas sebagai barang hiasan (Hamid 1991; Djamaluddin 2011). Dalam Islam, emas bukan sahaja menjadi hiasan tetapi juga merupakan alat pertukaran dalam muamalat kerana nilai dan sifatnya yang subur. Oleh kerana itu, emas adalah merupakan satu bentuk harta yang dikenakan zakat apabila memilikinya pada kadar tertentu (al-Ramli 2011). Bagaimanapun sekiranya emas digunakan untuk selain tujuan muamalat iaitu perhiasan, maka ia dikecualikan zakat. Bagaimanapun pengecualian ini terhad berdasarkan ‘*uruf*’ pemakaian emas tertentu dan bukannya secara mutlak (al-Qardawi 1999). Berdasarkan persoalan ini, kajian adalah penting untuk

mengenalpasti ‘*uruf*’ pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam. Oleh kerana ‘*uruf*’ ini berbeza mengikut lokasi dan masa, serta faktor ekonomi, maka kajian perlu dilakukan dalam beberapa tempoh tertentu untuk memastikan ‘*uruf*’ adalah sama atau sebenarnya telah berubah. Justeru, makalah ini akan mengkaji kedudukan dan amalan pemakaian emas perhiasan dalam kalangan wanita Islam di Negeri Pulau Pinang, dan kepatuhan mereka dalam menunaikan kewajipan berzakat terutama kepada institusi zakat negeri.

PEMAKAIAN EMAS PERHIASAN DAN PERSPEKTIF ISLAM

Perhiasan adalah suatu barang atau alat yang cantik dan menarik yang dipakai atau diletakkan di sesuatu tempat bagi tujuan keindahan. Perhiasan bermaksud segala apa yang dihiasi daripada kayu, batu atau logam seperti emas, perak, mutiara atau zamrud. Sebutan barang kemas pula biasanya merujuk kepada perhiasan yang diperbuat daripada emas. Kebiasaannya wanita memakai perhiasan untuk kelihatan cantik dan menarik (Ibn Manzur 1990; Fayruz Abadi 1995). Sifat emas yang bersinar dan berharga tinggi menjadikan ia sebagai hiasan yang berkualiti. Walau bagaimanapun dalam Islam, wanita lebih ramai memakai barang kemas kerana lelaki diharamkan memakai emas (Sayid Sabiq 1990). Amalan berhias dengan barang kemas ini disebut sebagai *tabarruj* iaitu menghias diri dengan menggunakan sesuatu alat atau bahan untuk kelihatan cantik dan menonjol (Zainuddin *et. al* 2008; Syaharina Abdullah *et. al*. 2023).

Menurut Hamka (1986), wanita Nasrani dan Najran dahulu memakai perhiasan pada pakaian dan anggota badan seperti menggunakan manik dan batu permata (Ibnu Kathir 2000). Amalan ini menurut al-Qardawi (1978) adalah tabiat sesetengah wanita Jahiliyah dengan meletakkan barang kemas di dada, leher dan tangan (Omar 2013). Manakala dalam budaya Melayu silam, pemakaian perhiasan

emas lebih pelbagai dengan lelaki memakai gelang tangan, tali pinggang, jam poket, tongkat dan cincin. Manakala kaum wanita pula memakai gelang tangan, gelang papan, cincin, rantai, anting-anting, kerongsang, cucuk sanggul, pending (pengancing tali pinggang), dokoh (sejenis perhiasan leher) dan kalung (Hamid 1991). Amalan pemakaian perhiasan emas ini pada masa yang sama menggambarkan kerjaya, status dan pangkat seseorang seperti bangsawan, penari dan peniaga. Emas juga dipakai dalam perawatan tradisional sebagai tangkal dan azimat, dan berlaku juga hiasannya sehingga ke liang kubur (Djamaluddin 2011). Justeru, fungsi pemakaian barang kemas adalah berbeza-beza yang melengkari budaya dan tradisi masyarakat dunia (Syaharina Abdullah *et. al.* 2023).

Dalam Islam, konsep berhias, memakai perhiasan atau *tabarruj* pada asalnya adalah harus. Seseorang wanita dibenarkan memakai perhiasan, wangi-wangian atau kosmetik tertentu untuk memperlihatkan kecantikan dan kecantikannya di sisi suami dan kaum keluarga (*mahram*). Manakala di hadapan lelaki lain yang halal dinikahi (*ajnabi*), Islam mengharuskan wanita memakai perhiasan secara sederhana dan tidak melampaui batas sehingga menaikkan ghairah dan menunjukkan aurat (Othman *et al.*, 2016). Ini kerana Islam juga meraikan minat wanita yang sukakan kecantikan dan keindahan, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran, ayat 14:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقَنْطَرَةِ مِنَ
الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ

Maksudnya: “Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak...”.

Kecenderungan atau fitrah wanita kepada perhiasan juga dapat diteliti melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Zukhruf, ayat 18 seperti berikut:

أَوَمَنْ يُنَشِّئُ فِي الْحِلْيَةِ وَهُوَ فِي الْخِصَامِ غَيْرُ مُبِينٍ

Maksudnya: “Dan apakah patut (menjadi anak Allah) orang yang dibesarkan dalam keadaan berperhiasan, sedang dia tidak dapat memberi alasan yang terang dalam pertengkaran”.

Dalam ayat ini, secara tidak langsung Allah SWT mencirikan wanita sebagai sinonim dengan perhiasan dan merupakan fitrah mereka ([Ibn Majah 1952](#); [Syaharina Abdullah et. al. 2023](#)). Terdapat banyak riwayat Sahabat yang menceritakan mereka memakai batu permata, manik-manik ([Othman et al. 2016](#)), cincin perak ([al-Bukhari 2002](#)), pakaian berwarna ([al-Bukhari 2002](#)) dan menyapu *misk* (kasturi) sebagai wangian ([al-Nasa'i 1986](#)). Riwayat daripada Aisyah lebih menjelaskan lagi budaya pemakaian emas sebagai perhiasan dalam kalangan wanita, sebagaimana Rasulullah SAW memakaikan Umamah dengan cincin emas, sebagaimana riwayat [Abu Dawud \(1952\)](#):

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَدِمْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

حَلِيَّةً مِنْ عِنْدِ النَّجَاشِيِّ، أَهْدَاهَا لَهُ، فِيهَا خَاتَمٌ مِنْ ذَهَبٍ فِيهِ

فَصٌّ حَبَشِيٌّ، فَأَخَذَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعُودٍ يَبْعُضُ

أَصَابِعِهِ مُعْرِضًا عَنْهُ، ثُمَّ دَعَا أُمَامَةَ بِنْتَ أَبِي الْعَاصِ ابْنَةَ ابْنَتِهِ،

فَقَالَ: "تَحَلِّي بِهَذَا يَا بِنْتِي"

Maksudnya: Dari ‘Aisyah r.a berkata: Rasulullah SAW pernah mendapat hadiah dari Raja Najasyi, di dalamnya terdapat cincin emas yang permatanya dari Habsyah. ‘Aisyah berkata: Maka

Rasulullah SAW mengambilnya dan dengan kayu menunjukkan padanya, atau (menunjukkan) dengan sebahagian jarinya kemudian memanggil Umamah, anak perempuan Abi al-'Ash iaitu cucu perempuan kepada anaknya, Zainab dan bersabda: "Berhiaslah dengan ini wahai cucuku!".

Berdasarkan ayat di atas dan hadith-hadith, fuqaha berijmak bahawa harus bagi wanita memakai perhiasan daripada emas dan hukum keharusan ini sabit secara ijmak ([al-Nawawi 2022](#)).

PERTIMBANGAN HUKUM ZAKAT KE ATAS EMAS PERHIASAN

Hukum asal zakat pada emas dan perak ialah ia wajib dikenakan zakat apabila mencapai kadar *nisab* dan cukup *haul* (tempoh setahun). *Fuqaha* bersepakat (*ijmak*) bahawa zakat emas diwajibkan ke atas pemilikan emas sama ada berbentuk kepingan duit, ketulan atau barangan ([al-Qardawi 1978](#)). Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah, ayat 34:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُوهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ

أَلِيمٍ

Bermaksud: "...Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak, dan mereka tidak menginfakkannya di jalan Allah, maka berilah mereka khabar gembira dengan azab yang pedih."

Imam al-Maraghi (1963) menjelaskan maksud "*infaq*" di sini ialah kewajiban mengeluarkan zakat. Keengkaran dalam mengeluarkan zakat adalah merupakan satu dosa dan diancam dengan siksa di akhirat kelak. Abu Hurairah r.a ada meriwayatkan ([Sahih Muslim 1991](#)):

مَا مِنْ صَاحِبِ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ
 صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ مِنْ نَارٍ فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ
 وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ

Maksudnya: “Siapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya...”

Menurut [al-Nawawi \(2022\)](#), hadith ini secara jelas menunjukkan hukum kewajiban zakat emas dan perak. dan ia merupakan satu *ijmak*.

Maqasid syarak pada kewajiban zakat ke atas emas dan perak ialah kerana ia merupakan harta yang subur, bernilai tinggi dan boleh diniagakan. Nilai dan kualiti pada emas khususnya, membolehkan ia menjadi sebagai alat pertukaran, harta modal, simpanan dan barang perdagangan ([al-Ramli 2011](#)). Bagaimanapun bagi emas yang dijadikan alat perhiasan, ia tidak lagi memiliki sifat dan ‘illah yang bersifat subur dan boleh berkembang sebagaimana emas biasa. Justeru, *jumhur fuqaha* mengecualikan emas perhiasan daripada dikenakan zakat. Pandangan ini adalah merupakan pandangan yang paling kuat (الأصح) dalam Mazhab Syafi’i ([al-Nawawi 2022](#); [Syaharina Abdullah et. al. 2023](#)). Pandangan ini juga adalah berdasarkan hadis yang tidak mengenakan zakat pada perhiasan (ليس في الحلي الزكاة) ([Tirmidhi 1970](#)), yang termasuk juga sesuatu yang diperbuat daripada emas. Menurut [al-Qardawi \(1999\)](#), hanya emas yang mempunyai sifat subur (النامي) atau boleh dikembangkan (للنماء) atau boleh dilaburkan (والاستغلال) yang dikenakan zakat.. Jika dikenakan zakat, ia seolah-olah mewajibkan seorang wanita membayar sewa

bagi barang kemas yang dimiliki, atau membeli harta lain bagi menampung kepunyaan emasnya.

Hu

wawi (2022) kepada *athar* sahih yang diriwayatkan oleh Imam Malik sebagaimana berikut:

عن عبد الرحمن بن قاسم عن أبيه عن عائشة: أَنَّهَا كَانَتْ تَحْلِي بَنَاتِ
أَخِيهَا يَتَامَى فِي حِجْرِهَا هُنَّ الْحُلَى فَلَا تُخْرَجُ مِنْهُ الرِّكَاءُ.

Maksud: Daripada Abdul Rahman bin Qasim daripada bapanya, daripada Aisyah r.ha bahawa beliau pernah memakaikan beberapa anak saudaranya yang yatim emas perhiasan, lalu beliau tidak dikeluarkan zakat emas ke atasnya.

Berdasarkan *athar* ini, Saidatina Aisyah r.ha sendiri tidak mengeluarkan zakat ke atas emas perhiasan. Sebagai isteri Rasulullah SAW, tentu Aisyah lebih mengetahui hukum-hakam berkaitan zakat. Asma' binti Abu Bakar juga ada meriwayatkan bahawa beliau tidak mengeluarkan zakat ke atas emas perhiasan anak perempuannya (Tirmidhi 1970).

Bagaimanapun, hukum pengecualian zakat ke atas emas perhiasan tidaklah berlaku secara mutlak. *Jumhur fuqaha* mensyaratkan pemakaian emas perhiasan oleh seseorang wanita itu hendaklah secara biasa berdasarkan tradisi dalam masyarakat (*'uruf*). Ia tidaklah sehingga dipakai secara melampau sehingga dilihat sebagai menunjuk-nunjuk, menimbulkan kesombongan, mendatangkan fitnah dalam masyarakat dan membazir sehingga boleh dihukumkan haram. Imam al-Nawawi (2022) ada menggariskan berkenaan syarat-syarat ini sebagaimana pernyataan berikut:

قال أصحابنا : كل حلي أبيع للنساء فإنما يباح إذا لم يكن فيه سرف

ظاهر ، فإن كان كخلخال وزنه مائتا دينار ، فالصحيح الذي قطع

به معظم العراقيين تحريمه

Maksud: “Sebahagian daripada Ulama Syafi’iyah berkata:¹ Semua jenis (emas) perhiasan dibenarkan bagi wanita, selagi mana tidak terdapat padanya pembaziran yang jelas. Sekiranya emas perhiasan itu berbentuk gelang kaki yang beratnya 200 dinar, maka yang sah yang diputuskan oleh kebanyakan fuqaha (Syafi’yah) di Iraq adalah mengharamkannya.”

Berdasarkan keterangan ini, pemilikan sehingga 200 dinar adalah melampau dan boros, yang dianggap pemakaian perhiasan sebegitu adalah haram dan wajib dizakatkan. Nilai 200 dinar ini adalah 10 kali ganda daripada *nisab* pemilikan emas biasa yang diwajibkan zakat. Begitu juga emas perhiasan yang disimpan dan tidak dipakai, ia dikenakan zakat menurut *fuqaha Syafi’iyyah*. Menurut al-Nawawi (2022), emas perhiasan ini wajib dikenakan zakat kerana ia sudah berubah fungsinya daripada barang kemas kepada harta berbentuk modal yang bersifat subur dan boleh dikembangkan. Justeru, hukumnya adalah diwajibkan zakat (Syaharina Abdullah *et. al.* 2023).

AMALAN ZAKAT EMAS PERHIASAN DI ZAKAT PULAU PINANG

Di Malaysia, perkara mengenai zakat adalah merupakan hal ehwal agama dan kerana itu pengurusannya berada di bawah pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Bagi Pulau Pinang, pengurusannya adalah terletak di bawah Majlis Agama

¹ Tokoh-tokoh fuqaha Mazhab Syafi’i selepas Imam Syafie dan sebelum imam Nawaw , iaitu al-Asfirayaini, al-Tabari, al-Mawardi, al-Mawarzi, al-Juwayni, al-Ruyani, al-Syasyi, al-Ghazali, al-Ramli dan al-Rafi’i.

Islam Negeri yang kemudiannya melantik Zakat Pulau Pinang (ZPP) iaitu institusi korporat yang dipertanggungjawabkan dalam perkara kutipan dan agihan, termasuklah mengenai zakat emas perhiasan ([Azlan Yusof Punding, 2024](#)).

Asas penetapan *nisab* ini kerana terdapat perubahan ‘*uruf*’ pemakaian emas dalam kalangan wanita Islam Pulau Pinang setelah beberapa dekad pemakaian ‘*uruf*’ pada 165 gram sebelumnya. Oleh kerana kuasa agama di negara ini berbeza mengikut negeri, maka Pulau Pinang mempunyai bidangkuasa untuk menetapkan kadar ‘*uruf*’ *nisab* emas perhiasan menurut amalan semasa di negerinya. *Maqasid*nya ialah bagi mencapai maksud pensyariatkan zakat emas perhiasan yang berdasarkan kadar ‘*uruf*’ dalam masyarakat yang menurut pemakaian biasa dan tidak melampau batas ([Azri Bhari et.al. 2019](#)). Justeru, sekiranya pemilik emas perhiasan telah mencapai kadar ini dalam pemilikan barang kemas tersebut, maka zakat sebanyak 2.5 peratus dikenakan ke atas semua jumlah emas perhiasan yang dimiliki. Kaedah hitungan berdasarkan jumlah keseluruhan emas perhiasan dan bukannya pada lebihan daripada kadarnya sahaja, ialah berdasarkan pandangan Imam al-Ramli (2011) daripada ulama Mazhab Syafi’i. Pandangan ini bersifat berhati-hati (*ihytiati*) untuk membersihkan pemilikan emas dalam tanggungjawab berzakat. Kaedah ini juga merupakan satu sikap untuk keluar daripada sebarang *khilaf* yang sangat dituntut dilakukan oleh setiap orang (الخروج من الخلاف مستحب) ([al-Ramli 2011](#)).

Menurut amalan oleh ZPP ([Amran Hazali, 2021](#)), emas perhiasan yang dikecualikan daripada dikenakan zakat hanyalah yang dipakai wanita. Emas yang dipakai sama ada sekali-sekala atau secara berterusan sepanjang tahun tidak dikenakan zakat kecuali jika melebihi ‘*uruf*’ (kadar pemakaian biasa). Semua negeri di Malaysia ada menetapkan dalam laman sesawang pusat kutipan zakat masing-masing mengenai kadar had ‘*uruf*’ zakat emas perhiasan ini kecuali Negeri Perlis dan Kelantan. Negeri Perlis (2021) tidak menetapkan kadar had ‘*uruf*’ zakat

emas perhiasan dan menetapkan bahawa semua emas yang dimiliki adalah dikenakan zakat pada *nisab* 20 *mithqal* atau 85 gram secara umum. Manakala Negeri Kelantan (2021) menetapkan tiada kadar had '*uruf* zakat emas perhiasan dan pemilik emas perhiasan adalah dikecualikan daripada zakat secara mutlak (Tutasting@Rawi Nordin et. al. 2019).

Manakala pemilik emas simpanan akan dikenakan zakat apabila berat emas simpanan yang dimiliki adalah melebihi *nisab* 85 gram emas. Begitu juga sebarang emas perhiasan yang tidak dipakai akan dikenakan zakat pada kadar *nisab* ini, iaitu bagi emas perhiasan yang disimpan, rosak dan tidak dipakai walaupun sekali dalam kiraan setahun Tahun Hijrah (Salina Ahmad dan Siti Maisarah Nazri. 2024). Berdasarkan laman sesawang, negeri yang mewajibkan zakat pada *nisab* 85 gram ke atas emas perhiasan yang tidak dipakai ialah Negeri Johor (2021), Kelantan (2021), Melaka (2021), Negeri Sembilan (2021), Pulau Pinang (2021), Perlis (2021), Pahang (2021), Terengganu (2021) dan Wilayah Persekutuan (2021). Lebih terperinci, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2021) ada menjelaskan bahawa emas perhiasan kategori ini adalah emas yang benar-benar menjadi simpanan dan tidak digunakan sebagai perhiasan walaupun fizikalnya sama seperti emas perhiasan. Termasuklah barang kemas yang tidak dipakai ialah barang kemas yang sudah rosak atau lama yang tidak diniat untuk baiki. Termasuk juga dalam kategori emas perhiasan yang dikenakan zakat ialah emas perhiasan yang dimiliki oleh lelaki yang haram pemakaiannya di sisi syarak (Tutasting@Rawi Nordin et. al. 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Bagi metodologi kajian, rekabentuk kajian adalah menggunakan metodologi campuran antara kualitatif dan kuantitatif. Elemen kualitatif adalah melibatkan maklumat teori dan konsep asas berhubung dengan hukum zakat emas perhiasan dalam khazanah perundangan Islam. Ia juga melibatkan dapatan-dapatan lepas berkaitan sejarah dan amalan masyarakat berkaitan dengan pemakaian emas perhiasan. Manakala elemen kuantitatif adalah melibatkan data-data yang berbentuk numerik yang memberikan indikasi fenomena dan amalan, sehingga satu generalisasi berdasarkan data yang dikumpulkan dapat dirumuskan. Dalam memulakan kajian ini, penyelidik telah menentukan objektif, mengenal pasti skop dan populasi sasaran, dan memenuhi segala keperluan etika bagi memastikan kajian yang dilakukan adalah telus dan absah ([Banerjee, 2019](#)).

Pengumpulan data kajian ini bagi aspek kualitatif adalah berdasarkan kajian kepustakaan dengan mengumpulkan segala konsep dan teori, melalui bahan berbentuk dokumen. Manakala data-data bersifat numerik dikumpul melalui dapatan daripada pendedahan soal selidik. Format dan disiplin yang dilakukan semasa pengumpulan data-data ini dilakukan dengan pendekatan berstruktur atau tidak berstruktur bergantung kepada objektif kajian yang telah digariskan ([Banerjee, 2019](#)). Oleh kerana semasa kajian dilakukan, negara masih dalam fasa pemulihan selepas pandemik, soalan kajian ini telah diedarkan secara talian melalui media sosial yang popular, khususnya yang mempunyai tahap respon yang tinggi iaitu saluran *whatsapp* dan *facebook* ([Nor Diana Aziz et.al., 2018](#)). Pemilihan pendedahan sebegini dilakukan berbanding secara bersemuka adalah kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berlangsung di Pulau Pinang pada ketika itu yang membataskan pertemuan fizikal, di samping sekatan rentas daerah yang dikuatkuasakan Kerajaan Persekutuan bagi

membendung penularan wabak Covid19. Pada masa yang sama untuk mengelak maklum balas yang rendah sekiranya dilakukan melalui edaran borang fizikal (Clark & Creswell, 2015). Pengisian secara dalam talian difikirkan sebagai wadah terbaik kerana perkara berkaitan emas perhiasan adalah merupakan perkara yang sensitif yang berkait dengan isu keselamatan. Justeru, kaedah soal selidik secara dalam talian diyakini dapat memberi masa, kepercayaan dan keyakinan untuk responden mendedahkan maklumat pemakaian emas dengan bebas dan sukarela.

Bagi persampelan, penyelidik menggunakan formula pengiraan khusus untuk menentukan saiz sampel yang mencukupi bagi mendapatkan anggaran kelaziman populasi dengan tepat. Mengambil formula Daniel (1999), minima sampel yang perlu dikumpulkan dalam kajian ini ialah sekitar 246 orang responden. Hitungan ini adalah berdasarkan modifikasi ke atas formula berikut:

$$n = \frac{Z^2 P(1-P)}{d^2} \quad \Rightarrow \quad n = \left[\frac{Z}{d} \right]^2 p(1-p)$$

iaitu:

n = anggaran sampel saiz

z = nilai standard pada nilai konfiden 95% (1.96)

p = anggaran kelaziman wanita memakai barang kemas 80% (0.12)

d = margin kesilapan ditetapkan pada 5% (0.05)

Justeru, saiz minimum sample kajian tentang kutipan data ini ialah;

$$n = \left[\frac{1.96}{0.05} \right]^2 \times 0.12(1 - 0.12)$$

$$n = 1536.64 \times 0.16$$

$$n = \underline{\underline{245.9 \text{ orang}}}$$


Setelah kajian dijalankan, seramai 540 orang responden telah menjawab soalan soal-selidik yang telah diedarkan. Pemilihan responden ini dilakukan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*), kerana populasi kajian adalah bercampur-campur (*mixed*) dan pelbagai (*heterogeneous*). Tujuannya bagi memastikan kajian ini dapat memasukkan semua kategori populasi secara mencukupi, melalui pengenalan kedudukan mereka yang mewakili pelbagai strata, karektor, dan posisi mereka dalam sesebuah populasi (Mukherjee, 2019). Walaupun begitu, ralat kajian didapati berlaku hanya sebanyak 2.0 peratus daripada keseluruhan data yang dikumpul. Ralat berlaku apabila ada responden tidak mengisi kesemua soalan soal-selidik yang diberikan menyebabkan data-data tersebut tidak dapat diukur untuk kajian. Bagaimanapun, ralat ini tidak menjejaskan dapatan kajian yang dianalisis untuk perbincangan ini (Krejcie & Morgan, 1970).

Untuk analisis kuantitatif, penyelidik telah memberi tumpuan analisis berdasarkan jawapan kepada soalan-soalan kajian (Samani, 2016). Secara umumnya, analisis ke atas data-data kualitatif dan kuantitatif dilakukan secara analisis kandungan yang melibatkan metod induktif, deduktif dan komparatif. Bentuk analisis ini digunakan mengikut kesesuaian data yang terkumpul sama ada untuk menghasilkan kesimpulan bersifat generalisasi, atau spesifik atau secara perbandingan bagi mengenal pasti elemen persamaan atau perbezaan yang signifikan (Mukherjee, 2019). Manakala interpretasi ke atas data-data yang bersifat numerik dilakukan secara deskriptif melalui proses hitungan pada taburan frekuensi bagi mendapatkan min (purata) dan peratusan dalam mengenalpasti amalan masyarakat, serta hubungan antara data-data demografi, trend, dan perbezaan antara pemboleh ubah. Semua peringkat analisis yang dilakukan ini diproses secara sistematik melalui rujukan silang dan pengesahan pakar, supaya proses pengujian dan pengesahan ke atas hasil dapat memastikan rumusan yang

mengandungi asas kebolehpercayaan dan kesahan (Aithal & Aithal, 2020). Jelasnya, proses-proses yang melibatkan penelitian pada elemen konsistensi data melalui perbandingan kepada setiap sumber, melakukan triangulasi untuk mengenalpasti data yang saling melengkapi dan validasi daripada pakar dapat meningkatkan kebolehpercayaan dapatan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan kaji selidik, wanita Islam yang paling ramai memberi maklum balas adalah yang berbangsa Melayu iaitu sebanyak 98.1 peratus atau 519 orang. Manakala bangsa lain-lain hanyalah kecil iaitu 1.9 peratus sahaja yang terdiri daripada bangsa India (7), Cina (1) dan Bugis (1). Justeru, keseluruhan perbincangan dalam amalan pemakaian emas perhiasan oleh wanita Islam Pulau Pinang dalam makalah ini akan menyerlahkan amalan wanita Melayu. Usia mereka adalah antara umur 21 sehingga 65 tahun. Umur ini adalah peringkat yang sesuai dan munasabah untuk memiliki dan memakai emas perhiasan secara bebas dan tersendiri. Secara lebih terperinci, usia 41-50 tahun adalah responden tertinggi yang telah memberi respon, iaitu 39.8 peratus, diikuti usia 31-40 tahun (32.5%), usia 51-60 tahun (17.1%), usia 21-30 tahun (8%) dan usia 61-70 tahun (2.5%). Responden wanita yang berusia 31-50 tahun ini telah membentuk 72.3 peratus daripada keseluruhan wanita Islam Pulau Pinang yang dikaji dan dapatan ini memberi indikasi yang tepat mengenai sasaran responden yang dipercayai mempunyai kerjaya yang stabil dan kemampuan dalam memiliki emas perhiasan. Rajah 1 dibawah menunjukkan kategori usia responden dan peratus yang terlibat dalam soal-selidik ini.




Rajah 1 - Kategori Usia Responden

Peratus responden yang telah berkahwin adalah paling tinggi iaitu 86.4% atau seramai 457 orang. Dapatan ini menunjukkan responden yang menjawab kebanyakannya merupakan pasangan rumahtangga yang tentu sekali memiliki sekurang-kurangnya sebertuk cincin perkahwinan, gelang atau rantai leher. Manakala responden lain hanya mewakili baki 14 peratus sahaja lagi iaitu wanita yang belum berkahwin seramai 37 orang (7%), balu 18 orang (3.4%) dan janda 17 orang (3.2%). Manakala berdasarkan lokasi, responden dari Seberang Perai Utara (kepala Batas) (36.4%) adalah yang teramai iaitu 192 orang, diikuti 95 orang dari Seberang Perai Tengah (18%), 73 orang dari Barat Daya (13.8%), 63 orang dari Seberang Perai Utara (Butterworth)(11.9%), 60 orang dari Timur Laut (11.4%) dan 45 orang dari Seberang Perai Selatan (8.5%). Jadual 1 di bawah menunjukkan kategori perkahwinan dan daerah kediaman responden.

Jadual 1 - Kategori Perkahwinan dan Daerah Kediaman Responden


Status Perkahwinan		Daerah Kediaman	
Bujang	7%	Seberang Perai Utara (Kepala Batas)	36.4%
Berkahwin	86.4%	Seberang Perai Utara (Butterworth)	11.9%
Janda	3.2%	Seberang Perai Tengah	18%
Balu	3.4%	Seberang Perai Selatan	8.5%
		Timur Laut	11.4%
		Barat Daya	13.8%
JUMLAH	100%	JUMLAH	100%

Latar belakang responden adalah pelbagai dan kebanyakan mereka adalah bekerja di sektor awam (294 orang). Manakala sektor kedua banyak ialah sektor swasta iaitu sebanyak 19 peratus yang melibatkan 102 orang responden. Lain-lain sektor adalah kecil seperti responden yang telah pencen seramai 28 orang (5%), bekerja sendiri seramai 42 orang (8%) dan yang tidak bekerja iaitu suri rumah/pelajar seramai 62 orang (12%). Berdasarkan pendapatan pula, seramai 27 orang atau 5.3 peratus daripada responden berpendapatan melebihi RM10,000. Manakala 42.2 peratus menerima gaji bawah RM4000. Jurang ini menunjukkan hampir separuh wanita yang menjadi responden kajian adalah menerima gaji di bawah paras kemiskinan. Bagaimanapun lebih separuh daripada responden (51.2%) adalah berada di tahap pendapatan pertengahan iaitu antara RM4001-10,000 sebulan sebagaimana Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 - Kategori Pendapatan Responden

Seramai 508 daripada responden wanita Islam Pulau Pinang yang dikaji didapati memiliki emas perhiasan. Ia membentuk peratusan sebanyak 95.9 peratus yang menunjukkan membuktikan fitrah wanita menyukai emas perhiasan. Pemilikan mereka ke atas emas perhiasan adalah melibatkan pelbagai jenis barang kemas, sebagaimana butiran dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3 – Jenis Pemilikan Emas Perhiasan

Berdasarkan rajah 4 ini, dapat dirumuskan emas perhiasan yang banyak dimiliki oleh wanita Islam Pulau Pinang ialah cincin, gelang tangan dan rantai leher. Pemilikan ini menjurus kepada ia barang kemas biasa yang boleh dipakai harian berbanding setengahnya yang dipakai ketika upacara atau majlis tertentu (Hussain 2021).

Kajian mendapati kebanyakan emas yang dijadikan perhiasan ialah emas 916. Ini kerana kandungannya sesuai iaitu tidak terlalu lembut dan mempunyai kandungan emas yang sepadan dengan warna emas yang kekuningan. Kajian mendapati sebanyak 82 peratus daripada perhiasan yang dipakai oleh responden wanita Islam Pulau Pinang adalah merupakan emas 916. Manakala daripada segi berat, majoriti pemilikan emas jenis 916 ini ialah antara 100 gram sehingga 200 gram (94.1%) sebagaimana Jadual 1 berikut:


Jadual 2 – Berat Terperinci mengikut Jenis Emas Perhiasan

—	0.1- 50g	51- 100g	101- 150g	151- 200g	201- 250g	251- 300g	351- 400g	451- 500g	701- 750g	751- 800g	951- 1000g	Lebih 1kg	Jumlah
E999	47	4	1	5	0	0	7	0	0	0	1	0	65
E916	278	82	13	23	8	5	2	5	0	1	0	1	418
E900	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	3
E790	29	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	30
E375	7	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	180
Jumlah	361	86	14	31	8	5	9	5	1	1	1	1	523
Peratus	69	16.4	2.7	5.9	1.5	1.0	1.7	1.0	0.2	0.2	0.2	0.2	100%

Berdasarkan Jadual 2, majoriti responden memiliki emas perhiasan seberat 0-50 gram, menjadikannya kadar pemilikan yang lazim dalam kalangan populasi. Namun, jika dinilai dari sudut kemampuan, julat pemilikan emas yang signifikan adalah sehingga 200 gram, dengan jumlah responden dalam kategori ini mencecah

angka yang melebihi dua digit. Justeru, peningkatan julat dalam kadar 151-200 gram berbanding julat sebelumnya (101-151 gram) memberikan makna yang signifikan kerana, berdasarkan ketetapan '*uruf*' pemakaian emas perhiasan di Pulau Pinang sebelum ini, fatwa hanya pada kadar 165 gram. Namun kini, julat antara 151 hingga 200 gram menunjukkan angka yang ketara, mencerminkan bahawa pemilikan emas perhiasan masih berada dalam kemampuan sebahagian wanita Islam di Pulau Pinang. Untuk penetapan kadar '*uruf*' semasa, dengan mengambil kira unjuran kemampuan ekonomi masa depan, dapat dirumuskan bahawa wanita Islam di negeri ini berpotensi untuk memiliki emas perhiasan sehingga maksimum berat 250 gram. Unjuran ini dinilai berdasarkan petunjuk sosioekonomi di negeri Pulau Pinang iaitu berdasarkan pendapatan per kapita negeri yang meningkat sebanyak 3.3% dari tahun 2022 ke 2023, dan penurunan kadar pengangguran sebanyak 1.8% bagi suku pertama tahun 2024 (Astro Awani, 2023: Buletin Mutiara, 2024). Unjuran ini diterima sepenuhnya oleh Jawatankuasa Penyelidikan, Zakat Pulau Pinang dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang bersidang mendengar hasil dapatan kajian ini.

Berdasarkan amalan pemakaian pula, kekerapan responden memakai barang kemas ialah berbeza-beza sama ada semasa bekerja, ketika di rumah, sewaktu menghadiri majlis atau semasa menyambut perayaan. Berdasarkan tabiat pemakaian ini, kebanyakan responden iaitu 46.9 peratus didapati memakai barang kemas pada setiap hari. Manakala 17.9 peratus memakainya semasa hari perayaan dan 16.6 peratus memakainya ketika menghadiri sesuatu majlis. Selebihnya memakai pada hari bekerja (10.3%), hanya menyimpan di rumah (5%), menyimpan di bank (1.6%) dan memakainya tidak menentu (1.7%).




Rajah 4 – Kekerapan Pemakaian Emas Perhiasan

Berdasarkan hukum Syarak, pemakaian emas perhiasan pada setiap hari akan memberi kesan hukum yang seseorang pemilik emas tersebut tidak akan dikenakan zakat. Kebanyakan barang kemas yang biasa dipakai ini ialah cincin, gelang dan rantai emas. Manakala bagi nilai 16 peratus yang memakai ketika bekerja menunjukkan emas perhiasan terbabit ialah aksesori khas dan tambahan, yang lebih menarik dan baharu berbanding dengan barang kemas yang dipakai semasa berada di rumah yang lebih ringkas seperti di atas.

Seterusnya daripada segi kekerapan memakainya, terdapat responden yang menjawab lebih daripada satu kekerapan iaitu dengan memakainya pada setiap hari sama ada semasa keluar bekerja, ketika menghadiri majlis atau pada hari perayaan. Keadaan yang berlaku ini boleh menisbahkan seseorang responden tersebut memiliki lebih daripada satu set emas perhiasan, seperti memiliki dua atau lebih set anting-anting, dua atau lebih set rantai leher, dua atau lebih gelang tangan dan dua atau lebih set cincin. Pengiraan ini menunjukkan, responden tentu sekali mempunyai beberapa bentuk barang kemas seperti cincin, rantai leher dan gelang tangan yang diselang-selikan pemakaiannya. Berdasarkan data dalam Jadual 1 di

atas, maka tidak hairan ada responden yang memiliki sehingga antara 250 - 500 gram emas perhiasan (3.7 peratus).

Bagi pembayaran zakat, oleh kerana permulaan kewajipan emas perhiasan hanya apabila beratnya melebihi kadar '*uruf*' iaitu 165 gram sebagaimana yang ditetapkan sebelum ini di Pulau Pinang, maka hanya 232 responden sahaja yang layak membayarnya kerana memenuhi maksud had *nisab* ini. Ini menunjukkan hampir separuh wanita Islam Pulau Pinang memiliki emas perhiasan yang layak dibayar zakat (45.6%). Majoriti daripada wanita Islam ini atau 64.2 peratus telah membayar zakat tersebut di Zakat Pulau Pinang (ZPP), manakala lebih kurang satu pertiga atau seramai 30.6 peratus membayar terus kepada *asnaf* (30.6%). Hanya sebahagian kecil iaitu 4.3 peratus yang membayar zakat ke institusi zakat negeri lain atau membayar mengikut kesesuaian (0.9%). Pecahan ini berdasarkan carta pai ialah sebagaimana berikut:



Rajah 5 – Penerima Zakat Emas Perhiasan

Setiap responden mempunyai alasan dan justifikasi tertentu dalam memilih tempat/sasaran penerimaan zakat mereka misalnya membayar di negeri kelahiran. Justifikasi tertinggi dalam pemilihan tempat pembayaran zakat adalah kerana ia merupakan negeri mereka bekerja (26.4%). Seterusnya adalah atas alasan mudah akses untuk bayar (22.6%), merupakan negeri tempat tinggal (21.2%), lebih diyakini agihannya kepada *asnaf* (15.5%), kepuasan apabila berzakat (9.5%) dan kerana negeri kelahiran (3.6%). Kaedah pembayaran zakat yang mudah pada hari ini, menyaksikan ramai yang membayar secara dalam talian dan mengutamakan negeri yang mereka menetap dan bekerja. Pendapat yang paling sahih menurut al-Nawawi (2022) ialah membayar zakat di negeri tempat di mana harta itu berada sama. Dalam hal emas perhiasan, ia merujuk negeri yang sedang berada dan bekerja.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, *fuqaha* sepakat bahawa emas perhiasan yang haram penggunaannya, misalnya emas yang dipakai oleh lelaki, emas yang dijadikan hiasan rumah, peralatan, senjata, perkakas dapur dan sebagainya adalah diwajibkan zakat. Manakala emas yang harus pemakaiannya sebagai perhiasan oleh wanita seperti cincin, gelang tangan, rantai leher, gelang kaki dan sebagainya adalah tidak dikenakan zakat. Syarat pengecualian zakat bagi emas perhiasan ialah ia hendaklah dipakai pada mana-mana tempoh dalam jangka masa setahun sekalipun secara selang-seli. Hasil daripada kajian ini, Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang dalam keputusannya pada tahun 2021 telah mengubah fatwa sebelumnya bagi *nisab* zakat emas perhiasan iaitu daripada kadar 165 gram, kepada kadar baharu iaitu 250 gram. Peningkatan kadar *nisab* ini adalah disebabkan peningkatan sosio-ekonomi dan taraf hidup rakyat di Pulau Pinang, yang melibatkan peningkatan pendapatan, penurunan kadar pengangguran serta

kemajuan tahap pendidikan. Oleh kerana perubahan keadaan akan memberi perubahan kepada hukum, maka penetapan bagi nisab ‘*uruf*’ pemakaian emas perhiasan juga turut berubah. Kebanyakan wanita Islam Pulau Pinang memakai emas perhiasan berbentuk cincin, rantai leher dan gelang tangan. Kebanyakan usia pemilikan mereka ialah selepas tamat pendidikan di peringkat sekolah iaitu antara usia 21 sehingga 65 tahun. Kebanyakannya memakai emas perhiasan pada setiap hari. Berdasarkan kesedaran ke atas kewajipan berzakat bagi pemilikan emas perhiasan, kajian merumuskan para responden amat memahami tuntutan hukum Islam. Manakala peratusan yang tinggi dalam pembayaran zakat ke Zakat Pulau Pinang menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam membantu masyarakat setempat melalui amalan berzakat di lokasi bermastautin.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Zakat Pulau Pinang pada tahun 2020, yang bertajuk “Kajian Zakat Emas Perhiasan Berdasarkan ‘*Uruf*’: Kajian Ke Atas Wanita Islam Negeri Pulau Pinang”.

RUJUKAN

- Abu Dawud, S. S. 1952. *Sunan Abi Dawud*. Mesir: Maṭba‘at al-Babi al-Ḥalabi
- Aithal, A., & Aithal, S. (2020). Development and Validation of Survey Questionnaire & Experimental Data – A Systematical Review-based Statistical Approach. *MPRA Paper No. 103996*, University Library of Munich, Germany
- al-Bukhari, M. I. 2002. *al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar Tuq al-Najah
- al-Maraghi, A. M. 1963. *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi.

- al-Nasa'i, A. S. 1986. *al-Mujtaba min al-Sunan*. Halab: Maktab al-Matbu'ah al-Islamiyah.
- al-Nawawi, A. Z. 2022. *Kitab al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab lil-Syirazi*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Qardawi, Y. 1978. *Halal dan Haram dalam Islam*. t. tp : al-Ittihad al-Islami al-'alami lil munazhomat al-Tolabiyah.
- al-Qardawi, Y. 1999. *Fiqh al-Zakah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Ramli, S. A. 2011. *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi, A. I. 1970. *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Amran Hazali. 2021. Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang. Temubual pada 2 April 2021 di Pejabat Zakat Pulau Pinang, Bandar Perda, Bukit Mertajam.
- Astro Awani. (2023). Pulau Pinang pamer prestasi ekonomi memberangsangkan – Jabatan Perangkaan. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pulau-pinang-pamer-prestasi-ekonomi-memberangsangkan-jabatan-perangkaan-482160> akses pada 4.12.2024
- Azri Bhari, Mohd Faiz Mohamed Yusof, Mohammad Mahyuddin Khalidi, Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Mohamad Shukran Abdul Razak. 2019. Aplikasi Fiqh Zakat Emas di Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*. 17(2), 265-276.
- Azlan Yusof Punding, Sitti Hawa Sheikh Mohammad, & Nur Ain Abu Bakar. 2024. Zakat collections and distributions within zakat institutions in Malaysia. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 12(1), 852 (1-17)
- Banerjee, Tanmoyee. 2019. Designing a primary survey-based research. In *Research Methodology for Social Sciences*. India: Routledge. 167-180

- Buletin Mutiara. (2024). 1.8 peratus kadar pengangguran suku pertama 2024 Pulau Pinang - TKM II. Buletin Mutiara. <https://www.buletinmutiara.com/1-8-peratus-kadar-pengangguran-suku-pertama-2024-pulau-pinang-tkm-ii> akses pada 4.12.2024
- Clark, V. L. P., & Creswell, J. W. 2015. *Understanding Research: A Consumer's Guide* (Second Edition) (2nd editio). Upper Saddle River, New Jersey: Pearson.
- Daniel, Wayne W. 1999. *Biostatistics: A Foundation for Analysis in the Health Sciences*. New York: John Wiley & Sons.
- Djamaludin, A. 2011. Perhiasan Tradisional Indonesia. *Album Sejarah Seni Budaya Kalimantan Timur I*. Penerbit Proyek Pengembangan Media Kebudayaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI. www.anneahira.com/perhiasan-cantik9907.htm resensi.info/buku/.../2011338-adatistiadat-dan-budaya-daerah.html. Akses: 9/6/2021.
- Fayruz Abadi, M. Y. 1995. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Hamid, I. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Hamka, H. A. 1986. *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Hussain, A. 2021. Barang kemas Melayu yang menjadi 'fashion statement' zaman 1950-an hingga 1970-an. *Berita Mediacorp*. Akses: <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/gayahidup/barang-kemas-melayu-yang-menjadi-fashion-statement-zaman-1950-an/4561770.html>. (16/6/2021)
- Ibn Kathir, I. U. 2000. *Tafsir ibn Kathir*. Riyadh: Darussalam.
- Ibn Majah, M. Y. 1952. *Sunan Ibn Majah*. Karachi: Vali Muhammad.
- Ibn Manzur, J. A. 1990. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sader.

- Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor. 2021. Akses: <https://www.majlis.gov.my/zakat-pengenalan/zakat-emas-dan-perak> (2/2.2021).
- Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah. 2021. Akses: <https://www.zakatkedah.com.my/zakat-emas-dan-perak/> (2/2.2021).
- Kelantan, Majlis Agama Islam Negeri Kelantan. 2021. Akses: <https://www.e-maik.my/v2/index.php/ms/e-perkhidmatan-kami/kalkulator-zakat-emas> (2/2.2021).
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Melaka, Zakat Melaka. 2021. Akses: http://www100.izakat.com/InfoZakat/Zakat_Emas_Perak.html
- Mukherjee, Shyama Prasad. 2019. *A Guide to Research Methodology: An Overview of Research Problems, Tasks and Methods*. New York: CRC Press.
- Muslim, I. H. 1991. *Sahih Muslim*. Beirut, Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. 2021. Akses: <https://mains.gov.my/v1/zakat/kutipan/jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak> (2/2.2021).
- Nor Diana Aziz, Abdul Hadi Nawawi, Nor Rima Muhamad Ariff. 2018. Survey on Facility Managers Perception through Instant Message via WhatsApp Application. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*. **6th AMER International Conference on Quality of Life Pulau Perhentian Resort, Malaysia**, 03-04 March 2018 / E-BPJ, 3(7), 1-7
- Omar, F. 2013. *Tabarruj Penghalang Bau Syurga*. Rawang: Pustaka Ilmuan
- Othman, R., Muhamad, S. N., Mohd Yusof, F., Wan Harun, M. A. 2016. Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Spiritual. *Sains Humanika*. 8(30), 65–71.

- Pahang, Zakat Pahang. 2021. Akses: <http://www.zakatpahang.my/index.php/zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas-dan-perak> (2/2.2021).
- Perak, Majlis Agama Islam Negeri Perak. 2021. Akses: <https://www.maiamp.gov.my/index.php/zakat/nisab-semasa.html> (2/2.2021).
- Perlis, Majlis Agama Islam Negeri Perlis. 2021. Akses: https://www.maips.gov.my/index.php?option=com_sppagebuilder&view=page&id=125&Itemid=844&lang=ms (2/2.2021).
- Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang. 2021. Akses: <https://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak> (2/2.2021).
- Sabah, Majlis Ugama Islam Sabah. 2021. Akses: https://appszakat.sabah.gov.my/pungutan_info.php (2/2.2021).
- Syaharina Abdullah, Asmak Ab Rahman, Luqman Haji Abdullah. 2023. Exploring zakatable wealth from classical and contemporary scholars perspectives. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 10(2), 53-70.
- Salina Ahmad dan Siti Maisarah Nazri. 2024. Zakat On Gold Jewellery: Case Of Terengganu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 72-84
- Samani, S. A. (2016). Steps in Research Process (Partial Least Square of Structural Equation Modeling (PLS-SEM): A Review. *International Journal of Social Science and Business*, 1(2), 58-66.
- Sarawak, Tabung Baitulmal Sarawak. 2021. Akses: <https://www.tbs.org.my/www/?page=99> (2/2.2021).
- Sayid Sabiq. 1990. *Fiqh Sunnah*. Kuala Lumpur: Victory Agencie. jld.7 & jld. 14.
- Selangor, Zakat Selangor. 2021. Akses: <https://www.zakatselangor.com.my/info-zakat/zakat-kewajipan-berzakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas-perak/> (2/2.2021).

- Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu. 2021.
Akses: <http://www.maidam.gov.my/index.php/en/zakat-emas> (2/2.2021).
- Tutasting@Rawi Nordin, Noraini Saro, Rozman Md Yusof. 2019. Profiling of ‘urf zakat on gold jewelry in Malaysia. *International Journal of Academic Research Business and Social Sciences*, 9(4), 226–232.
- Wilayah Persekutuan, Pusat Pengurusan Zakat. 2021. Akses: <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/> (2/2.2021).
- Zainuddin, M. K., Zainuddin, M. N., Isa, M. F. 2008. *Kamus al-Miftah*. Shah Alam: Al Azhar Media Enterprise